

# Tex Cycle: AGM yang Senyap 'Laungan' tentang Pelan Pengembangan & Kerumitan Rangkaian dalam Kalangan Lembaga Pengarah

1

AGM Tex Cycle yang diadakan baru-baru ini agak sunyi sepi, dipengerusikan oleh Setiausaha Syarikat, manakala tiada pengarah Syarikat termasuk pengerusi eksekutif yang bersuara semasa mesyuarat itu berlangsung.

2

Pengumuman Syarikat baru-baru ini mencadangkan bahawa PLC yang sebelum ini tidak menonjol, sudah memasuki fasa pengembangan, didorong oleh kemunculan pemegang saham baharu, aktiviti pengumpulan dana, rancangan perniagaan strategik serta cadangan pemindahan penyenaian.

3

Bagaimanapun, hubungan yang rumit serta pertindihan kepentingan dalam kalangan ahli lembaga menimbulkan kebimbangan terhadap proses membuat keputusan, terutamanya yang berkaitan pelaburan.

Bulan Jun menandakan berakhirnya musim kemuncak mesyuarat agung tahunan (Annual General Meeting, AGM) bagi syarikat tersenarai awam (Public Listed Companies, PLC) dengan tahun kewangan berakhir Disember. Ini memberikan peluang untuk kami mengimbas kembali beberapa peristiwa penting yang mencuri perhatian.

## **Mesyuarat tanpa interaksi**

Wakil korporat kami merasai pengalaman yang agak luar biasa pada AGM Tex Cycle Technology (M) Berhad yang diadakan secara maya pada 15 Mei 2024.

Pertama, mesyuarat itu dipengerusikan oleh setiausaha syarikat bersamanya (Company Secretary, CoSec), manakala pengerusi eksekutifnya (executive chairman, EC), Datuk Keh Chuan Seng, hadir secara maya.

Mesyuarat dimulakan dengan memperkenalkan ahli lembaga pengarah diikuti dengan pengenalan pengerusi eksekutif yang menghairankan, iaitu melalui gambar pegun dan bukannya suapan video secara langsung seperti pengarah lain.

Selepas sesi memperkenalkan ahli lembaga pengarah yang lain, CoSec meneruskan ke sesi Soal Jawab (Q&A). Pemegang saham diberitahu supaya menaip soalan mereka dalam "Kotak Mesej" dan Syarikat akan membalas secara bertulis.

Selain itu, CoSec memaklumkan hadirin bahawa jawapan Tex Cycle kepada soalan MSWG yang dibangkitkan melalui surat bertarikh 9 Mei 2024, telah dimuat naik ke dalam tab 'Dokumen' di platform mesyuarat. Pemegang saham boleh mengklik pautan PDF untuk melihat maklum balas Syarikat. Tidak lama selepas pengumuman ini, CoSec mengisytiharkan bahawa semua soalan telah dijawab dan menamatkan sesi Soal Jawab.

Cara Tex Cycle mengendalikan mesyuarat itu benar-benar memeranjatkan kami. Umumnya, kami menghantar senarai soalan kepada PLC sebelum AGM diadakan dan meminta supaya soalan ini dibentangkan dalam AGM untuk manfaat pemegang saham.

Malangnya, soalan kami dan jawapan daripada mereka tidak dibentangkan pada AGM Tex Cycle itu. Tambahan pula, pihak Pengurusan tidak memberikan sebarang gambaran keseluruhan tentang perniagaan mereka semasa mesyuarat itu berlangsung. Namun begitu, kami menghargai tindakan Syarikat yang menghantar jawapan mereka kepada kami sehari sebelum mesyuarat diadakan.

CoSec mempengerusikan AGM tersebut, namun pengarah Syarikat langsung tidak bersuara. Ketiadaan penglibatan dan interaksi antara lembaga pengarah dan pemegang

saham pada acara tahunan ini amat mengecewakan. Justeru, tidak hairanlah AGM ini mengambil masa hanya 40 minit.

Mesyuarat secara maya sepatutnya memudahkan penglibatan dan interaksi antara Syarikat dan pemegang saham dan namun ia sering disalah guna. Ini kerana pengarah dan pengurusan boleh bersembunyi di sebalik skrin, memilih untuk menjawab soalan tertentu sahaja serta mengelak untuk berinteraksi secara langsung dengan pemegang saham.

Mungkin sudah tiba masanya pengawal selia dan pihak berkuasa mempertimbangkan untuk mewajibkan PLC menjalankan AGM mereka sama ada secara fizikal atau secara hibrid bagi memastikan ketelusan dan penglibatan yang lebih baik.


### Hubungan yang rumit serta pertindihan kepentingan dalam kalangan pengarah

Selain itu, pengumuman terbaru daripada Tex Cycle mencadangkan bahawa PLC yang sebelum ini berprofil rendah, sudah memasuki fasa pengembangan, didorong oleh kemunculan pemegang saham baharu, aktiviti pengumpulan dana, rancangan perniagaan strategik serta cadangan pemindahan penyenaaraian daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama Bursa Malaysia.

Selepas pengasas Tex Cycle iaitu Ho bersaudara, keluar daripada syarikat penyedia penyelesaian kitar semula dan pengurusan sisa ini pada April 2023, Frazel Group Sdn Bhd, sebuah syarikat khas yang dikaitkan dengan Pengerusi Eksekutif Tex Cycle iaitu Datuk Keh, muncul sebagai pemegang saham terbesar Tex Cycle pada Mei 2023, selepas memperoleh 26.44% pegangan melalui transaksi perniagaan secara langsung.

Datuk Keh juga berkhidmat sebagai Pengerusi Eksekutif K. Seng Seng Corporation Berhad dan Ge-Shen Corporation Berhad. Selain itu, beliau memegang 29.59% kepentingan dalam Ge Shen melalui Frazel Group.

Apabila meneliti komposisi lembaga, lima daripada enam pengarah Tex Cycle secara kolektif memegang jawatan pengarah dalam PLC lain (seperti yang ditunjukkan di bawah):



(Sumber: Laporan Tahunan 2023)

Walaupun Haw Yew (yang baru dilantik ke dalam lembaga Tex Cycle pada 1 Januari 2024) tidak menganggotai lembaga Ge-Shen atau K. Seng Seng, beliau dan saudara lelakinya Haw Loon muncul sebagai pemegang saham kedua terbesar Ge-Shen pada 30 April 2024 melalui entiti persendirian mereka iaitu Enrich Signature Sdn Bhd, yang memegang 18.31% kepentingan dalam syarikat itu.

Kemudian, pada 13 Jun 2024, Enrich Signature menjadi salah satu pemegang saham utama Tex Cycle dengan kepentingan 13.25%. Haw Yew dan Haw Loon adalah anak kepada pengasas Chin Hin Group Berhad (CHGB), Datuk Seri Chiau Beng Teik.

Selain itu, Pengarah Eksekutif Tex Cycle iaitu Lee Hai Peng (yang dilantik pada 28 April 2023), sebelum ini merupakan Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Chin Hin Group dari Januari 2015 hingga Disember 2022.

### **Hubungan dalam lembaga pengarah menimbulkan kebimbangan terhadap keputusan pelaburan**

Hubungan yang rumit serta pertindihan kepentingan dalam kalangan ahli lembaga Tex Cycle menimbulkan kebimbangan terhadap proses membuat keputusan oleh lembaga pengarah, terutamanya yang berkaitan pelaburan. Lebih-lebih lagi apabila Tex Cycle sudah pun melabur dalam saham dan nota berjangka CHGB.

Sehingga 31 Disember 2023, pelaburan Tex Cycle dalam saham disebut harga berjumlah RM29.6 juta (jumlah ini tiada pada tahun kewangan berakhir 2022), dengan kerugian nilai saksama sebanyak RM0.5 juta (amaun ini juga tiada pada tahun kewangan berakhir 2022). Dana ini dilaburkan dalam CHGB dan Hextar Technologies Solutions Berhad.

Menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh MSWG mengenai rasional membuat pelaburan dalam saham disebut harga dan bukannya perniagaan terasnya, Tex Cycle menjelaskan bahawa mereka bertujuan untuk menggunakan dana yang tidak digunakan itu (idle fund) dengan melabur dalam saham yang menguntungkan dan berkembang dalam jangka pendek hingga jangka sederhana sementara menunggu keberhasilan dan kemajuan rancangan pelaburannya. Syarikat memberikan jaminan bahawa pelaburan dalam perniagaan teras sedang berjalan dan mereka mempunyai kecairan yang mencukupi untuk kekal beroperasi serta rancangan pengembangan dalam jangka pendek.

Tambahan pula, walaupun pelaburan mengalami kerugian pada akhir tahun kewangan 2023, prestasinya kembali pulih menjelang tarikh AGM disebabkan oleh pemulihan harga saham.

Selain itu, Tex Cycle juga melanggan Nota Jangka Sederhana Kekal (Medium Term Notes, MTN) bernilai RM20.0 juta yang dikeluarkan oleh CHGB pada 7.5% kupon tetap setahun, dalam dua peringkat pada 9 Februari 2024 dan 7 Mac 2024. Nota hutang ini disertakan bersama peningkatan sebanyak 1% setiap tahun bermula dari 2029.

Tidak lama selepas peringkat kedua langganan MTN dalam CHGB, Tex Cycle mengumumkan kerjasama dengan Evolusi Bersatu Sdn Bhd untuk melancarkan kemudahan pengurusan sisa berjadual bersepadu pertama di Sabah. Pembinaan kemudahan itu memerlukan komitmen modal yang besar, sebanyak RM100 juta.

Disebabkan itu, pada 31 Mei 2024, Tex Cycle mencadangkan untuk menerbitkan sehingga 10% daripada jumlah bilangan saham terbitannya kepada pelabur pihak ketiga bebas, yang menyasarkan untuk mengumpul sehingga RM32.03 juta bagi pembinaan kemudahan pengurusan sisa bersepadu itu.

Syarikat itu yakin bahawa Cadangan Penempatan Persendirian adalah cara paling sesuai untuk mengumpul dana dengan cepat serta faktor keberkesanan kos berbanding dengan kaedah pengumpulan dana ekuiti yang lain.

Rancangan Tex Cycle yang bercita-cita tinggi tidak terhenti di sini. Pada 13 Jun 2024, mereka mengumumkan pemerolehan Meridian World Sdn Bhd, sebuah syarikat yang terlibat dalam pemprosesan kimia, penyediaan kemudahan rawatan air sisa, perkhidmatan kitar semula sisa dan perdagangan bahan kimia industri dengan balasan tunai berjumlah RM55.0 juta, yang akan dibiayai oleh dana janaan dalaman (RM37 juta) dan pinjaman bank (RM18 juta). Ini akan meningkatkan penggearan Kumpulan daripada 0.23 kali kepada 0.42 kali.

## Perkembangan yang membingungkan dalam Tex Cycle

Memang membingungkan apabila melihat Tex Cycle melaburkan dana mereka yang tidak digunakan dalam saham disebut harga dan MTN, sebaliknya pada masa yang sama mendakwa mereka memerlukan dana untuk keperluan modal.

Mereka boleh memberikan alasan bahawa Lembaga Pengarah dan pengurusan tidak menjangkakan keperluan modal yang besar apabila munculnya peluang perniagaan beberapa bulan selepas pelaburan dibuat dalam CHGB.

Bagaimanapun, wajarkah pihak pengurusan bersikap tidak berhemat dan berhati-hati dalam pengurusan modal, sedangkan mereka sedang mencari peluang? Keputusan untuk memeterai perjanjian sedemikian sudah tentu memerlukan modal yang besar dan tidak akan berlaku sekelip mata.

Tambahan pula, keputusan untuk melabur dalam saham disebut harga dan nota berjangka PLC lain mendedahkan Tex Cycle kepada turun naik yang tinggi, memandangkan kunci kira-kira CHGB yang tegang dan berpenggearingan tinggi (seperti yang diketengahkan dalam The Observer bertarikh 14 Jun 2024, bertajuk “Pinjaman RM250 juta Ajiya kepada Chin Hin – Pelaburan strategik atau pertaruhan yang berisiko?”).

Sekiranya CHGB gagal memenuhi tanggung jawabnya untuk membayar hutang, harga sahamnya akan terjejas, seterusnya menjejaskan pulangan pelaburan Tex Cycle.

Rasional Tex Cycle untuk melabur dalam saham disebut harga dan MTN, pada masa yang sama mengumpul dana melalui penempatan saham baharu benar-benar menimbulkan kebimbangan tentang strategi pengurusan modal, peruntukan sumber serta perlindungan kepentingan pemegang saham minoriti.

## Kronologi Peristiwa

2023

**April** - Ho Siew Cheong, Ho Siew Weng dan Periasamy A/L Sinakalai bukan lagi pemegang saham utama Tex Cycle. Seorang lagi saudara lelaki Ho iaitu Siew Choong dan Periasamy meletak jawatan daripada lembaga pengarah. Lee Hai Peng dilantik ke dalam lembaga pengarah.

**Mei** - Frazel Group Sdn Bhd, Datuk Keh, Datin Cheong Kai Meng dan Lee Hai Peng muncul sebagai pemegang saham utama baharu Tex Cycle. Datuk Keh dilantik menganggotai lembaga sebagai Pengerusi Eksekutif, selepas persaraan Siew Cheong.

**Jun** - Tex Cycle melabur RM14.62 juta dalam saham disebut harga. Siew Weng meletak jawatan daripada lembaga pengarah.

**November** – Sekali lagi pelaburan dalam saham disebut harga dibuat, sebanyak RM14.96 juta. Pertukaran juruaudit daripada Tetuan Grant Thornton Malaysia PLT kepada Tetuan HLB Ler Lum Chew PLT.

## 2024

**Januari** - Chiau Haw Yew dilantik ke dalam lembaga pengarah.

**Februari** – Tex Cycle melanggan RM10 juta dalam MTN Kekal yang dikeluarkan oleh CHGB.

**Mac** - Tex Cycle melanggan MTN Kekal sebanyak RM10 juta lagi dalam CHGB, menjadikan jumlah pelaburannya dalam MTN CHGB berjumlah RM20 juta.

**April** - Tex Cycle Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Tex Cycle bekerjasama dengan Evolusi Bersatu Sdn Bhd untuk melancarkan kemudahan pengurusan sisa berjadual bersepadu pertama di Sabah. Pembinaan kemudahan itu memerlukan komitmen modal yang besar sebanyak RM100.0 juta.

**Mei** – Tex Cycle mencadangkan untuk melaksanakan penempatan persendirian sehingga 10% daripada jumlah saham terbitannya kepada pelabur pihak ketiga bebas yang akan dikenal pasti kemudian.

**Jun** – Enrich Signature Sdn Bhd muncul sebagai pemegang saham utama Tex Cycle dengan kepentingan 13.25%. Chiau Haw Yew dan Chiau Haw Loon dianggap sebagai pemegang saham utama secara tidak langsung disebabkan kepentingan mereka dalam Enrich Signature.

## Tinjauan Mingguan AGM/ EGM MSWG untuk tempoh 15 hingga 19 Julai 2024

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
15.07.24 (Isnin) 10.00 pagi	Ajiya Berhad (EGM)	Ajiya membentangkan resolusi biasa untuk kelulusan pemegang saham bagi cadangan penyediaan bantuan kewangan sehingga RM250.0 juta dalam bentuk pinjaman kepada Chin Hin Group Berhad, syarikat induk Ajiya.
16.07.24 (Selasa) 09.30 pagi	AYS Ventures Berhad (AGM)	Walaupun berdepan persekitaran yang mencabar, dasar monetari yang ketat serta kekurangan projek infrastruktur berskala besar pada tahun kewangan 2024, AYS berjaya mencatatkan keputusan yang positif, dengan keuntungan selepas cukai berjumlah RM20.839 juta, berbanding RM42.033 juta pada tahun kewangan 2023.
16.07.24 (Selasa) 10.30 pagi	Yinson Holding Berhad (AGM)	Yinson merekodkan keputusan kewangan yang kukuh pada tahun kewangan 2024, dengan mencatatkan pendapatan yang lebih tinggi sebanyak RM11.6 bilion (tahun kewangan berakhir 2023: RM6.3 bilion) terutamanya didorong oleh permulaan aktiviti perniagaan Kejuruteraan, Perolehan, Pembinaan, Pemasangan dan Pentauliahan ( <i>Engineering, Procurement, Construction, Installation and Commissioning</i> , EPCIC) untuk FPSO Agogo serta permulaan operasi untuk FPSO Anna Nery. Sehubungan itu, keuntungan selepas cukainya meningkat sebanyak 94% tahun ke tahun kepada RM1.1 bilion.



Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan Ringkas
17.07.24 (Rabu) 10.00 pagi	Sapura Resources Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM37.4 juta pada tahun kewangan 2024, berbanding keuntungan selepas cukai berjumlah RM79.7 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Kerugian ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pembalikan rosot nilai yang lebih rendah ke atas aset bukan semasa, berjumlah RM46 juta pada tahun kewangan semasa berbanding RM123 juta pada tahun sebelumnya, serta pendapatan lain yang menyusut daripada RM43 juta pada tahun kewangan sebelum ini kepada RM6.4 juta dalam tahun kewangan semasa.</p>
17.07.24 (Rabu) 10.30 pagi	JKG Land Berhad (AGM)	JKG mencatatkan pendapatan berjumlah RM169.1 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM27.1 juta pada tahun kewangan 2024 berdasarkan jualan terkumpul untuk projeknya yang berjumlah RM449.4 juta. Jualan JKG yang belum dibilkan berjumlah RM258.5 juta.

### Perkara Penting:

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan
Ajiya Berhad (EGM)	<p>Kami mendapati jaminan peribadi, yang akan disampaikan oleh Datuk Seri Chiau Beng Teik, JP, pengarah kumpulan Chin Hin, memihak kepada Ajiya untuk menjamin pembayaran balik pinjaman (Halaman 26, Pekeliling). Ini akan mengurangkan pendedahan risiko Ajiya. Bagaimanapun, tumpuan utama perlu diberikan terhadap keupayaan Chin Hin untuk memenuhi tanggung jawab kewangannya serta sebarang kesan buruk ke atas Ajiya.</p> <p>a) Chin Hin juga berhasrat untuk menggunakan RM50 juta bagi mengembangkan bahagian bahan binaannya serta RM40 juta untuk mengembangkan perniagaan pembinaannya (Halaman 4, Pekeliling).</p> <p>Bagaimanakah Ajiya akan mengurus aliran tunai dan kecairannya sekiranya berlaku kelewatan atau keingkar dalam pembayaran daripada Chin Hin jika</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan
	<p>rancangan pengembangan syarikat itu tidak menjadi seperti yang diharapkan?</p> <p>b) Chin Hin berhasrat untuk menggunakan RM110 juta bagi cadangan pemerolehan anak syarikat CHGP iaitu Chin Hin Construction Engineering Sdn Bhd (100% dimiliki oleh CHGP) dan Kayangan Kemas Sdn Bhd (95% dimiliki oleh CHGP). CHGP ialah anak syarikat 55.36% milik Chin Hin.</p> <p>Chin Hin juga berhasrat untuk menggunakan sehingga RM50 juta daripada pinjaman untuk tujuan pelaburan lain, termasuk meningkatkan pegangan ekuitinya dalam SIB dan CHGP.</p> <p>Melihat kesalinghubungan antara Chin Hin dengan anak syarikat dan syarikat berkaitannya, bagaimanakah Ajiya merancang untuk mengurus pendedahan risiko?</p> <p>c) Pegangan besar Chin Hin dalam Ajiya menyediakan platform untuk perkongsian strategik tetapi juga mewujudkan konflik kepentingan. Keputusan yang memihak kepada Chin Hin mungkin tidak sejajar dengan kepentingan terbaik pemegang saham Ajiya.</p> <p>Meminjamkan dana yang besar kepada syarikat bersekutu yang rapat untuk mengembangkan perniagaan yang serupa boleh dilihat sebagai mengutamakan pertumbuhan Chin Hin berbanding kepentingan Ajiya. Pinjaman RM50 juta itu sepatutnya dihalakan kepada inisiatif pengembangan Ajiya, sebaliknya digunakan oleh Chin Hin untuk mengembangkan bahagian bahan binaan syarikat itu.</p> <p>Adakah perkara yang disebutkan dalam (c) di atas membimbangkan Lembaga? Jika ya, bagaimanakah lembaga pengarah Ajiya membincangkan perkara ini dalam bilik lembaga? Sila jelaskan dan kongsi dengan pemegang saham.</p>
AYS Ventures Berhad (AGM)	<p>1. Menurut Persatuan Keluli Dunia (<i>World Steel Association</i>), permintaan global dijangka meningkat semula sebanyak 1.7% pada 2024 (Halaman 22, Laporan Tahunan 2024). Berdasarkan pernyataan ini, adakah AYS dapat mengekalkan pendapatannya melebihi paras RM1 bilion pada tahun kewangan berakhir 2025? Jika tidak, apakah alasannya?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan												
	<p>2. Kecederaan yang Menyebabkan Kehilangan Masa (<i>Loss Time Injuries</i>, LTI) dan Kadar Kekeperan Kecederaan yang Menyebabkan Kehilangan Masa (<i>Lost Time Injury Frequency Rate</i>, LTIFR) untuk Kumpulan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="639 477 1369 589"> <thead> <tr> <th></th> <th>FY2024</th> <th>FY2023</th> <th>FY2022</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>LTI</td> <td>2,816</td> <td>616</td> <td>408</td> </tr> <tr> <td>LTIFR</td> <td>3,720</td> <td>1,093</td> <td>719</td> </tr> </tbody> </table> <p>Demi melindungi orang ramai dan kakitangan Kumpulan daripada sebarang bahaya terhadap kesihatan dan keselamatan yang berkaitan dengan aktiviti mereka, Kumpulan menggandakan usaha mereka untuk mengurangkan kadar LTI dan LTIFR sebagai sebahagian daripada program penglibatan dan inisiatif peningkatan keselamatan yang berterusan (Halaman 57, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Terdapat peningkatan mendadak dalam LTI dan LTIFR pada tahun kewangan 2024 berbanding tahun-tahun sebelumnya. Apakah yang menyumbang kepada peningkatan itu dan apakah jenis kejadian yang dilaporkan?</p> <p>b) Apakah pengajaran kepada Kumpulan untuk mengurangkan kejadian sedemikian? Apakah usaha yang diambil untuk mengurangkan LTI dan LTIFR dan apakah perkembangannya?</p> <p>c) Apakah LTI dan LTIFR yang disasarkan untuk tahun kewangan berakhir 2025? Adakah usaha yang sedia ada mencukupi untuk mencapai sasaran itu?</p>		FY2024	FY2023	FY2022	LTI	2,816	616	408	LTIFR	3,720	1,093	719
	FY2024	FY2023	FY2022										
LTI	2,816	616	408										
LTIFR	3,720	1,093	719										
Yinson Holding Berhad (AGM)	<p>1. Kumpulan melancarkan prototaip Hydromover secara rasmi pada November 2023, yang merupakan kapal kargo elektrik sepenuhnya yang pertama di Singapura. (Halaman 27, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <p>a) Adakah prototaip Hydromover sudah memenuhi jangkaan pengguna? Jika belum, apakah penambahbaikan lain yang perlu dipertingkat pada kapal prototaip?</p>												

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan
	<p>b) Bilakah Kumpulan merancang untuk melancarkan Hydromover bagi pengeluaran komersial?</p> <p>c) Berapakah jumlah wang yang telah dilaburkan oleh Kumpulan dalam projek Hydromover pada tahun kewangan 2024?</p> <p>d) Selain Singapura, di manakah lagi pasaran untuk Hydromover?</p> <p>2. Nisbah penggearingan bersih Kumpulan berdasarkan jumlah pinjaman dan pembiayaan meningkat daripada 1.23 kali pada tahun kewangan 2023 kepada 1.66 kali pada tahun kewangan 2024. (Halaman 43, Laporan Tahunan Bersepadu)</p> <p>a) Apakah nisbah penggearingan bersih optimum Kumpulan?</p> <p>b) Bilakah Kumpulan menjangkakan nisbah penggearingan bersih akan berkurangan dan apakah sebabnya?</p>
Sapura Resources Berhad (AGM)	<p>1. Kumpulan menghadapi risiko persaingan yang lebih tinggi dalam ruang penerbangan persendirian disebabkan oleh pengembangan agresif dalam ruang hangar baharu serta harga yang lebih kompetitif, terutamanya daripada pemain pusat membaiki dan penyelenggaraan pesawat (<i>maintenance, repair &amp; overhaul, MRO</i>) yang mempunyai sumber yang baik di Lapangan Terbang Subang. (Halaman 12, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kumpulan untuk bersaing dengan pemain MRO yang mempunyai rangkaian hubungan yang baik dalam penerbangan persendirian di Subang?</p> <p>b) Apakah kelebihan daya saing yang dimiliki oleh Kumpulan berbanding pesaingnya? Sila huraikan.</p> <p>c) Adakah Kumpulan berjaya mengekalkan kedudukannya dalam perniagaan penerbangan persendirian di Lapangan Terbang Subang pada tahun kewangan 2024, dari segi pengkalan pelanggan?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan
	<p>d) Bagaimanakah jangkaan prestasi bidang penerbangan persendirian pada tahun kewangan 2025?</p> <p>e) Bilakah Kumpulan menjangkakan perniagaan penerbangan persendiriannya kembali pulih? Sila jelaskan berserta sebabnya.</p> <p>2. Kumpulan cuba mengekalkan hartanah komersialnya dengan kadar penghunian yang kompetitif, yang mana usaha ini menjadi kebimbangan yang penting dan berterusan untuk Kumpulan. (Halaman 10, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Sila jelaskan langkah yang diambil oleh Kumpulan bagi menarik penyewa baharu dan sejauh manakah tahap kompetitif kadar sewa hartanah komersial Kumpulan berbanding pesaingnya?</p> <p>b) Se jauh manakah kejayaan langkah yang diambil untuk meningkatkan kadar penghunian hartanah komersial sebelum dan selepas langkah ini dilaksanakan?</p> <p>c) Adakah kadar sewa kompetitif yang ditawarkan untuk hartanah komersial ini dapat menampung kos operasi tetap Kumpulan? Jika tidak, berapakah jumlah defisitnya?</p>
JKG Land Berhad (AGM)	<p>Keuntungan sebelum cukai (PBT) Kumpulan merosot 27%, terutamanya disebabkan oleh margin yang agak rendah untuk projek dalam tahun kewangan semasa, 2024. Selain itu, terdapat penjimatan kos daripada akaun yang dimuktamadkan daripada kontrak pembinaan yang diiktiraf pada tahun kewangan sebelumnya, serta kos pembiayaan yang lebih tinggi yang ditanggung pada tahun kewangan 2024. (Halaman 26, Laporan Tahunan)</p> <p>a) Berapakah margin keuntungan purata bagi projek hartanah yang dilancarkan pada tahun kewangan 2024 berbanding tahun kewangan 2023?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu Penting Untuk Diketengahkan
	<p>b) Apakah tindakan yang diambil oleh Kumpulan terhadap projek hartanah dengan margin keuntungan yang lebih rendah?</p> <p>c) Adakah projek hartanah dengan margin keuntungan yang lebih rendah akan diteruskan sehingga tahun kewangan 2025? Jika ya, apakah sebabnya?</p> <p>d) Berapakah jumlah penjimatan kos daripada akaun yang dimuktamadkan untuk kontrak pembinaan yang diiktiraf pada tahun kewangan 2023?</p> <p>e) Berapakah peningkatan kos pembiayaan pada tahun kewangan 2024 berbanding tahun kewangan 2023?</p>

Pengumuman



**PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

**PENOLAKAN TUNTUTAN**

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.